



Persatuan Penduduk Pangsapuri Taman Puncak Kinrara
TKK 2/3, Puchong Selangor
(No. daftar : 0180-08-SEL)
B3-01-04, Jalan TKK 2/3, Taman Puncak Kinrara
47100 Puchong Selangor.

Tarikh: 10/11/2008
Rujukan:PPPTPK/08/05

Kepada:
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Persiaran Perpaduan USJ 5
47610 Subang Jaya, Selangor
(Bahagian Khidmat Masyarakat)
Up: En Mohd Reyzal b Mazlan

Perkara: Permohonan untuk gotong-royong bersama MPSJ.

Merujuk kepada perkara di atas saya ingin memaklum kepada MPSJ tentang cadangan gotong-royong seperti berikut:

Tarikh: 23hb Nov 2008
Pukul: 9 pagi
Tempat: Jalan TKK 2/3,
Taman Puncak Kinrara Fasa B, Puchong Selangor.

Tujuan gotong royong ini adalah,

1. Untuk menebang pokok-pokok yang tumbuh di tebing jalan sebelah kanan pangsapuri.
Untuk tujuan ini saya memohon pihak MPSJ menyediakan alat-alat yang perlu untuk menebang pokok seperti parang, gergaji dan sebagainya.
Pokok-pokok yang tumbuh ini sebenarnya telah menyebabkan kawasan tebing menjadi seperti hutan dan menyebabkan ada laluan "tikus" yang boleh dilalui orang tanpa disedari oleh penghuni taman. Ini akan memudahkan pencuri bersembunyi.
2. Membersihkan sampah.
Banyak sampah dan bahan-bahan binaan telah dibuang di atas jalan mati. Saya lihat tempat ini telah menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. Untuk itu saya rasa pihak MPSJ perlu menutup laluan dengan batu.

Disini saya sertakan foto kawasan yang di maksudkan.

Saya berharap dapat sekiranya pihak MPSJ memberi jawapan dalam tempoh seminggu sebelum saya umumkan kepada penduduk atau tuan dapat memberikan saya satu tarikh yang sesuai.

Sekian terima kasih,

Disediakan oleh,

(Ruzlan b. Mohd Zin)
Setiausaha
No tel: 012-3888147

(Zulkefli bin Zainuddin)
Pengerusi,
No Tel:016-6851206

Sk,
Syarikat Kemajuan Perumahan Negara Sdn. Bhd.
10th Fl. Yeoh Tiong Lay Plaza,
55 Jln Bukit Bintang,
55100 Kuala Lumpur.
up: Mr Jega

